

UMSKAL dan Perbadanan Labuan sedia anjur Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2014

UB 7.11.2014 A6

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Perbadanan Labuan bersiap sedia untuk menganjurkan Majlis Perarakan Berjubah Graduan kali ke-5 sempena Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-16 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan pada 15 November ini.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, majlis anjuran bersama UMS dan Perbadanan Labuan itu akan bermula dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan sejauh kira-kira lima kilometer.

Beliau berkata, program tahunan yang dijadual bermula kira-kira jam 8 pagi itu bakal dihadiri Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Datuk Mohd Nadzri Osman.

“Pihak pengangur juga menjemput Pengurus Perbadanan Labuan Datuk Rozman Isli dan Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Senator Datuk Yunus Kurus serta ketua-ketua kampung dan ketua-



SYED Nasirin (kanan) dan Murnizam (dua kanan) ketika Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perarakan Berjubah Graduan, baru-baru ini.

ketua jabatan kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan Labuan untuk memeriahkan majlis itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mesyuarat jawatankuasa berkenaan di Bilik Mesyuarat FKAL, Aras 3, Bangunan Menara UMS Labuan, baru-baru ini. Mesyuarat dipengerusikan Dekan FKAL Prof Madya Dr Syed Nasirin. Turut hadir wakil Perbadanan Labuan dan wakil PDRM Labuan.

Murnizam berkata, kira-kira 250 peserta termasuk mahasiswa dan pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL)

dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), pegawai utama UMS dan pegawai kanan UMS Kampus Antarabangsa Labuan akan terbabit dalam perarakan itu.

Beliau turut merakam ucapan penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama padu Perbadanan Labuan dalam menjayakan program itu.

“Terima kasih juga diucapkan kepada jabatan dan agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan yang turut memastikan program itu berjalan lancar,” katanya.

Sementara itu, ketibaan rombongan perarakan berjubah

di Dataran Labuan akan disambut oleh pengurusan tertinggi Perbadanan Labuan yang diketuai Rozman dan Nadzri.

Selepas itu, diadakan pembacaan pernyataan majlis oleh Murnizam, upacara menandatangi dan penyerahan skrol serta penyerahan kunci dan sijil kepada graduan sebagai simbolik penerimaan mereka sebagai warga Labuan.

Sehubungan itu, pihak pengangur menjemput orang ramai khususnya warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk datang memeriahkan perarakan berjubah yang hanya dilaksanakan oleh UMS itu.